

## Kebarangkalian Berkahwin Lewat dalam Kalangan Generasi Milenium di Malaysia

*The Probability of Late Marriage among the Millennial Generation in Malaysia*

SITI HAIZANI MAT DELIN & ZAIMAH R.,

### ABSTRAK

*Fenomena kahwin lewat telah menyumbang kepada ketidaksuburan dan ketidakseimbangan struktur umur dalam populasi penduduk di Malaysia. Jumlah populasi warga emas yang tidak diimbangi oleh kelahiran kanak-kanak menyebabkan negara bakal menjadi sebuah negara tua menjelang 2030. Generasi milenium yang merupakan 40 peratus daripada populasi penduduk adalah pendukung kepada aspirasi pembangunan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kebarangkalian berkahwin lewat, dan menganalisis faktor yang mempengaruhi kebarangkalian berkahwin lewat dalam kalangan generasi milenium. Sebanyak 285 pelajar prasiswazah warganegara Malaysia, bujang dan berumur 24 tahun ke bawah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dianalisis dalam kajian ini. Ujian regresi multinomial logistik digunakan bagi menentukan faktor yang mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat iaitu latar belakang diri dan keluarga, faktor sosioekonomi, faktor budaya dan perwatakan generasi milenium. Hasil kajian mendapati majoriti responden tidak pasti terhadap kebarangkalian berkahwin lewat. Analisis regresi multinomial logistik pula menunjukkan faktor sosioekonomi dan faktor budaya telah mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat. Manakala faktor budaya dan bapa yang berpendidikan sehingga sekolah rendah dan ke bawah telah mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium untuk tidak pasti berkahwin lewat lebih tinggi daripada kebarangkalian tidak berkahwin lewat. Implikasi kepada kajian ini memerlukan pihak kerajaan dan pihak berkepentingan meningkatkan kesedaran generasi milenium terhadap kepentingan perkahwinan demi memastikan kelangsungan sumber manusia negara. Perhatian khusus kepada faktor-faktor yang menyebabkan kebarangkalian kahwin lewat juga perlu diperhalusi dan diambil tindakan sewajarnya*

*Kata kunci:* Perkahwinan lewat; generasi milineal; ekonomi; budaya; Malaysia

### ABSTRACT

*Late marriage phenomenon has contributed to the infertility and imbalance of age structure in the population of Malaysia. This country will become an aged country by 2030 if the number of elderly populations is not offset by childbirth. The Millennial Generation who represents 40 percent of the population is the upholder of the country's development and prosperity. Therefore, this study is conducted to identify the probability of late marriage and to analyse the factors affecting the probability of late marriage among the Millennial Generation. A total of 285 undergraduate students under Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysian, single and aged 24 years and below were analyse in this study. The multinomial logistic regression test is used to determine factors that influence the probability of late marriage among the Millennial Generation consisted of individual and family background, socioeconomic factors, cultural factors and characters of the Millennial Generation. The results show that majority of respondents were unsure about the probability of late marriage. The multinomial logistic regression analysis shows that socioeconomic factors and cultural factors have influenced the probability of late marriage among the Millennial Generation. Whereas cultural factors and father's education level which is up to the primary school and below have influenced higher probability of unsure to late marriage compared to the probability of early marriage among the Millennial Generation. The implications of this study require the government and stakeholders to increase the awareness of the millennial generation on the importance of marriage in order to ensure the sustainability of the country's human resources. Particular attention should be paid to the factors that increase the probability of late marriage, and appropriate action should also be taken.*

*Keywords:* Late marriage; millineal generation; economics; cultural; Malaysia

## PENDAHULUAN

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014 mendapati 86.8 peratus penduduk bujang di negara ini yang berumur 25 hingga 49 tahun mempunyai hasrat untuk berkahwin (LPPKN,2016). Daripada jumlah tersebut, 90.7 peratus adalah lelaki dan 80.3 peratus wanita. Purata umur mereka ingin berkahwin ialah 32 tahun (lelaki) dan 30 tahun (wanita). Meskipun begitu, persepsi umur yang difikirkan ideal oleh penduduk bujang untuk perkahwinan ialah 28 tahun bagi lelaki dan 26 tahun bagi wanita (LPPKN 2018). Bermakna, penduduk bujang di Malaysia telah merancang untuk berkahwin pada umur yang lebih lewat daripada umur yang mereka anggap ideal untuk berkahwin. Kemunculan umur ideal ini menimbulkan tanggapan bahawa penduduk bujang di negara ini sedar akan kepentingan berkahwin awal dan implikasi sekiranya mereka berkahwin lewat. Justeru itu, apakah faktor yang mempengaruhi keputusan mereka dalam menentukan masa perkahwinan yang terbaik untuk diri mereka.

Lelaki dan wanita bujang di negara ini didapati mempunyai sebab-sebab tersendiri yang menyebabkan mereka memilih untuk menangguhkan masa perkahwinan mereka ke umur yang lebih lewat. Menurut LPPKN (2016), tiga sebab utama yang menyebabkan lelaki menangguhkan berkahwin adalah masalah kewangan (56%), ketiadaan calon sesuai (18.4%) dan penumpuan kepada kemajuan kerjaya (9.4%). Manakala wanita pula menangguhkan masa perkahwinan kerana ketiadaan calon sesuai (35.7%), masalah kewangan (26%) dan kemajuan kerjaya (18.1%). Masalah kewangan dalam memulakan kehidupan suami-isteri merupakan realiti dalam kalangan penduduk Malaysia, terutamanya lelaki. Perbelanjaan perkahwinan antara komitmen kewangan paling awal yang perlu ditanggung pasangan muda yang ingin berkahwin. Purata perbelanjaan perkahwinan yang mampu disediakan penduduk bujang ialah RM14,000. Sebaliknya purata perbelanjaan minimum perkahwinan yang diperlukan sekarang untuk satu perkahwinan adalah RM20,000 (LPPKN 2016).

Selain itu, meletakkan keutamaan kepada pencapaian peribadi (pendidikan dan pekerjaan) berbanding perkahwinan mungkin juga mendorong individu untuk melewatkannya. Brons et al. (2017) mendapati anak-anak yang berasal daripada keluarga berpendapatan tinggi akan berkahwin lebih lewat. Penerimaan masyarakat terhadap kahwin lewat

juga telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat hari ini (Straughan 2012). Perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat menyebabkan penduduk bujang kini kurang menghadapi tekanan sosial daripada individu sekeliling mereka untuk berkahwin awal. Tambahan lagi, keselesaan hidup membujang tanpa tanggungjawab sebagai suami-isteri mendorong golongan muda untuk menangguhkan masa perkahwinan lebih lewat.

Implikasi kahwin lewat akan meninggikan risiko ketidaksuburan kepada pasangan yang berkahwin. Akibatnya, populasi generasi muda menjadi semakin berkurangan dan jumlahnya tidak memadai untuk mengimbangi komposisi penduduk dewasa dan tua yang ada (Syed Abdul Razak & Mustafa 2007). Generasi muda negara ini tergolong dalam kumpulan generasi milenium, iaitu individu yang lahir selepas 1982 hingga 2004 (Strauss & Howe 2000). Maka persepsi mereka terhadap perkahwinan akan dipengaruhi oleh perwatakan generasi milenium yang daripada generasi sebelumnya. Generasi milenium mewakili 25.5 peratus daripada populasi dunia (Amaria 2015) dan generasi milenium di Malaysia merangkumi 40 peratus daripada keseluruhan populasi (Asliza et al. 2017).

Generasi milenium dikenali sebagai generasi yang berkeyakinan diri, bercita-cita tinggi, berupaya membezakan perkara baik dan buruk, serta berminat untuk menyumbang kepada masyarakat (Ng & Gossett 2013). Menurut Twenge dan Kasser (2013), generasi milenium lebih mengutamakan kehendak peribadi berbanding tanggungjawab sosial. Selain itu, generasi milenium juga lebih materialistik kerana meletakkan keutamaan kepada matlamat ekstrinsik berbanding matlamat intrinsik (Twenge et al. 2012). Malahan mereka juga dijangkakan kurang beragama berbanding generasi sebelumnya (Twenge et al. 2015).

Perwatakan-perwatakan generasi milenium ini dijangkakan mampu mempengaruhi amalan berkahwin awal yang diamalkan oleh generasi sebelumnya. Justeru itu, kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengenalpasti kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat dan seterusnya menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat.

## SOROTAN LITERATUR

Fenomena berkahwin lewat bukanlah perkara yang asing di Malaysia mahupun diperingkat

antarabangsa. United Nations (UN) (2015) melalui *World Marriage Data* 2015 menunjukkan umur berkahwin bagi lelaki dan wanita untuk hampir semua negara di dunia telah semakin meningkat setiap tahun. Lelakitelah menunjukkan peningkatan umur pada perkahwinan pertama sebanyak 15 peratusdari tahun 1970 hingga 2014. Manakala wanita telah menunjukkan peningkatan umurpada perkahwinan yang mendadak dalam tempoh yang sama, iaitu 20 peratus. Dalam kes Malaysia, purata umur perkahwinan pertama meningkat dari 25.5 tahun (lelaki), 22 tahun (wanita) pada tahun 1970 kepada 29.3 tahun (lelaki), 26.2 tahun (wanita) pada tahun 2014 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2015).

Faktor utama yang menyebabkan trend wanita Malaysia berkahwin lewat adalah peningkatan tahap pendidikan (Peng, 2007). Pencapaian pendidikan tertier bagi wanita pada tahun2015 adalah tinggi pada 31.8 peratus berbanding lelaki 20.8 peratus (UNESCO 2017). Kecenderungan wanita untukberkahwin dengan lelaki yang berpendidikan lebih tinggi menyebabkan mereka sukarmencari pasangan hidup lantas menyebabkan himpitan perkahwinan (Peng 2007). Peningkatan tahap pendidikan telah membuka peluang kepada wanita mempunyai peluang yang sama dengan lelaki dalampasaran pekerjaan (Kim 2012; Liu 2012). Dalam kes Malaysia,

Peningkatan tahap pendidikan dan penyertaan wanita dalam pekerjaan telah membuatkan mereka memilih untukmenangguhkan perkahwinan ke umur yang lebih lewat (Peng 2007; Syed Abdul Razak & Mustafa 2007; Jones & Yeung 2014). Menurut Peng (2007), kelewatan perkahwinan kaum Cina disebabkan keinginanmereka untuk hidup berdikari berbanding wanita Melayu dan India. LPPKN (2016) menyatakan majoriti daripada mereka masih menunjukkanhasrat untuk berkahwin tetapi terpaksa menangguhkan hasrat tersebut kerana tiga faktorutama iaitu masalah kewangan, pembangunan kerjaya dan ketiadaan calon yang sesuai.

## GENERASI MILENIUM DAN PERKAHWINAN

Generasi milenium di AmerikaSyarikat dalam lingkungan umur 25 hingga 34 tahun masih belum berkahwinberbanding generasi *baby boomer* yang dua pertiga daripadanya telah berkahwindalam lingkungan umur yang sama pada tahun 1980-an (Anderson 2017). Manakala diMalaysia, trend berkahwin lewat merentasi generasi dari generasi

*baby boomer* kepada generasi milenium pula dapat dilihat apabila umur min perkahwinan pertama antaratahun 1970 dan 2014 dalam kalangan lelaki dan wanita telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 25.6 tahun dan 22.1 tahun kepada 29.3 tahun dan 26.2 tahun (LPPKN 2016; UN 2013). Kajian-kajian lepas ke atas pelajar kolej yang tergolong dalam kohort kelahiran generasi milenium mendapati mereka masih mempunyai tanggapan positif terhadap kepentingan perkahwinan (Omandi & Kamonjo 2015).

Selain itu, wanita mempunyai keinginan untuk berkahwin lebih awal daripada lelaki kerana mereka mempunyai tanggapan lebih positif terhadap perkahwinan (Omandi & Kamonjo 2015). Generasi milenium turut meletakkanperkara tradisional, seperti berkahwin dan mempunyai anak dalam senarai utamamatlamat peribadi mereka. Majoriti generasi millennium berpandangan perkahwinan yang ideal hendaklah memilih model egalitarian yangmoden, iaitu suami-isteri mempunyai pekerjaan dan kedua-duanya bertanggungjawab menjaga anak dan rumah tangga (Taylor et al. 2011). Pandangan ini berbeza dengan generasi sebelumnya yang memilih model tradisional, iaitu lelaki akan menjadi pencari nafkah dan wanita menjaga anak dan rumah tangga. Selain itu, generasi milenium juga berkemungkinan memilih untuk bersekedudukan dengan bakal pasangan hidup sebagai satu langkah percubaan sebelum mendirikan perkahwinan (Taylor et al. 2011).

Cabaran kewangan peribadi pula menyebabkan generasi milenium terpaksa menangguhkan perancangan untuk berkahwin danmemulakan hidup berkeluarga meskipun mereka sebenarnya ingin berkahwin awal (Jones 2007). Generasi milenium mengambilkirakeseluruhan kos dan tanggungjawab yang akan ditanggung dalam perkahwinandan kebimbangan ini menyebabkan mereka menangguhkan perkahwinan. Kadar perkahwinan dalam kalangan generasi milenium akan terus berkurangan dalamtempoh kemelesetan ekonomi kerana beberapa faktor, seperti kesukaran mendapatpekerjaan, pinjaman pendidikan dan pulang ke kampung halaman setelah tamatpengajian (Uecker & Regnerus 2010; Martin et al. 2014).

## FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KAHWIN LEWAT

Pada tahun 2030, Malaysia dijangkakan menjadi sebuah negara tua sekiranya kadar kesuburan terus

menurun dan jangka hayat penduduk pula semakin meningkat. Merujuk kepada kajian-kajian lepas, faktor kahwin lewat dalam kalangan lelaki dan wanita bujang dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu latar belakang diri dan keluarga, sosioekonomi, budaya dan perwatakan Generasi Milenium.

#### LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA

Demografi yang merangkumi latar belakang individu dan keluarga merupakan antara faktor yang mempengaruhi masa perkahwinan sama ada lewat ataupun tidak. Jika dibandingkan dengan lelaki, wanita didapati mempunyai tanggapan lebih positif terhadap perkahwinan (Omandi & Kamonjo 2015). Lelaki di Malaysia didapati berkahwin pada umur sekurang-kurangnya tiga tahun lebih lewat daripada wanita sejak dari tahun 1991 sehingga 2014 (LPPKN 2004, 2016; UN 2015). Namun, peluang pendidikan dan pekerjaan yang setara antara lelaki dan wanita boleh menghapuskan jurang masa perkahwinan antara kedua-duanya (Shafer & James 2013). Variasi dalam umur pada perkahwinan pertama antara kaum di Malaysia berlaku kerana orientasi kebudayaan dan agama yang berbeza mengenai masa perkahwinan yang sesuai (Palamuleni 2011). Kaum Melayu lebih cenderung berkahwin awal berbanding kaum Cina dan India (Jones 2007; Peng 2007; Jisun 2016).

Selain itu, pengaruh latar belakang keluarga juga mampu mempengaruhi keputusan untuk berkahwin. Wanita yang berasal dari luar bandar akan berkahwin lebih awal berbanding wanita dari bandar (Jisun 2016; Wong 2005) kerana pengaruh nilai tradisional dalam diri mereka akan menggalakkan mereka untuk berkahwin awal. Meskipun begitu, tempat kediaman sama ada luar bandar, pekan kecil dan bandar hanya memberikan kesan yang sederhana terhadap umur pada perkahwinan pertama buat penduduk di Malaysia (Palamuleni 2011). Manakala Wong (2005) mendapati tahap pendidikan ibu bapa, bilangan adik-beradik dan nombor kelahiran tidak mempengaruhi umur perkahwinan bagi wanita yang berpendidikan tinggi. Sebaliknya, Seifoori (2014) mendapati pendidikan bapa, bilangan adik-beradik dan nombor kelahiran dalam adik-beradik mempengaruhi umur pada perkahwinan pertama. Maka, masa perkahwinan bagi anak-anak yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi adalah lebih lewat (Uecker & Stokes 2008; Dubow et al. 2009; Mooyaart & Liefbroer 2016).

Selain itu, pendapatan keluarga yang tinggi akan melewatkkan transisi anak-anak mereka ke alam perkahwinan (Brons et al. 2017). Penceraian

ibu bapa dalam kehidupan seseorang pula akan mempengaruhi sikap mereka terhadap perkahwinan (Amato & DeBeers, 2011; Moon, 2011). Retherford et al. (2011) mendapati peningkatan kes penceraian menyebabkan wanita berusaha ke arah memperoleh pendidikan tinggi dan pekerjaan yang lebih baik dan hal ini menyumbang kepada kahwin lewat. Sebaliknya, Willoughby et al. (2012) menyatakan bahawa kualiti perkahwinan ibu bapa tidak mempengaruhi masa perkahwinan yang ideal untuk anak-anak.

#### FAKTOR SOSIOEKONOMI

Pendidikan akan membuatkan individu menangguhkan beberapa keputusan penting dalam kehidupan, seperti perkahwinan dan memiliki anak (Milkman 2016; Cantalini 2017; Rosniza Aznie et al. 2020). Lasode dan Awotedo (2014) mendapati pelajar wanita mengalami tekanan sepanjang tempoh pengajian kerana sukar untuk mengimbangi tanggungjawab sebagai pelajar dengan tanggungjawab terhadap keluarga. Selain itu, peningkatan peluang pendidikan untuk wanita berbanding suatu masa dahulu menyebabkan mereka memandang berat akan peranan pendidikan untuk mengubah status sosioekonomi diri mereka (Beri & Beri 2013). Maka, peningkatan peluang pendidikan mendorong kepada penangguhan perkahwinan ke usia yang lebih lewat (Syed Abdul Razak & Mustafa 2007; Gebel & Hyne 2016).

Kestabilan ekonomi dianggap sebagai prasyarat untuk perkahwinan, terutamanya untuk lelaki bujang, dan jangkaan peranan tradisional lelaki dan wanita akan menyebabkan wanita bujang menolak untuk berkahwin dengan lelaki yang mempunyai prospek pendapatan yang lemah (Jones 2012). Menurut Nduonofit (2015), pengangguran merupakan halangan utama kepada keputusan untuk berkahwin dalam kalangan lelaki. Bebanan pinjaman pendidikan oleh generasi milenium juga telah menyebabkan mereka menangguhkan perkahwinan (Bozick & Estacion 2014; Haneman 2017). Lelaki muda pula dikatakan berhadapan dengan tekanan kewangan yang lebih berbanding wanita muda daripada segi perbelanjaan perkahwinan (Mohd Yusof et al. 2016; Mohd Khairuddin 2020). Fatimah et al. (2016) turut menyatakan perbelanjaan perkahwinan Muslim sekarang adalah tinggi dan menjangkakan perbelanjaan ini akan terus meningkat. Peningkatan kos sara hidup yang berterusan juga turut memberi kesan kepada perkahwinan lewat (Rosliana 2020; Nooriah & Zakiyah).

Pembangunan kerjaya dan pencarian pasangan ntuk berkahwin akan mengambil masa dan keduanya tidak boleh dicapai dalam suatu masa serentak (Goldin & Katz 2000). Transisi masa yang berlaku dari alam persekolahan ke alam pekerjaan telah mewujudkan suatu tempoh menunggu yang akhirnya melewatkhan perkahwinan (Dhillon & Yousef 2009).) Oleh itu, wanita akan berkahwin lewat demi pembangunan kerjaya mereka (Jones 2012; Beri & Beri 2013). Perubahan struktur pasaran buruh yang telah memberi kedudukan dan gaji yang lebih tinggi kepada wanita mampu memberi kesan kepada trend perkahwinan (Retherford et al. 2011; Kalleberg 2011; Mohd Khairuddin et al. 2020). Tempiasnya akan dialami oleh lelaki apabila mereka mengalami kesukaran untuk mencari calon isteri dan seterusnya melewatkhan masa perkahwinan.

#### FAKTOR BUDAYA

Menurut Xiao (2016), lelaki dan wanita bujang kaum Melayu kini berkahwin lewat untuk melanjutkan pelajaran dan mengukuhkan kerjaya dan kedudukan kewangan sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin, khususnya wanita. Hal ini kerana perkahwinan kini hanya muncul setelah mereka mencapai kebebasan kewangan dan psikologi (Hymowitz et al. 2013). Generasi milenium menangguhkan perkahwinan dan mempunyai anak sehingga ke usia 40 tahun (Martin et al. 2014). Selain itu, peningkatan individualisme seiring dengan evolusi pasaran buruh yang mengangkat seseorang berdasarkan pencapaian individu bukan sebagai ahli keluarga atau kumpulan lain telah mengubah kepentingan perkahwinan (Cherlin 2009). Keselesaan hidup membujang juga telah mendorong penduduk bujang memilih untuk berkahwin lebih lewat meskipun mereka telah layak dan bersedia untuk berkahwin (Jones 2012). Pembujangan kini semakin diterima oleh masyarakat berbanding suatu masa dahulu (Straughan 2012).

Kahwin lewat juga berlaku apabila golongan muda kini adalah lebih cerewet dalam memilih pasangan hidup. Bakal suami atau isteri mereka hendaklah memenuhi ciri-ciri dan kualiti yang diidamkan, seperti pasangan hendaklah homogami dalam pendidikan dan ekonomi (Jones 2012; Parker & Stepler 2017). Punca homogami adalah kelayakan akademik yang semakin tinggi dan perkembangan karier oleh wanita bujang (Retherford et al. 2011). Pasangan hidup yang dipilih hendaklah sempurna

daripada segi fizikal dan perwatakan (Straughan 2012). Manakala faktor-faktor lain, seperti asal usul, agama, dan latar belakang bangsa dan kaum sudah tidak lagi penting dalam memilih pasangan (Lee & Edmonston 2005). Ketiadaan calon yang sesuai merupakan antara tiga faktor utama yang menyebabkan penduduk bujang di negara ini berkahwin lewat (LPPKN 2016). Akibatnya, ramai wanita berpendidikan tinggi dan lelaki berpendidikan rendah kekal membujang (Jones 2012).

Penerimaan kepada budaya mengamalkan hubungan seks luar nikah dan bersekedudukan juga telah mendorong kepada kelewatan perkahwinan (Jones 2012; Retherford 2011). Hubungan antara pasangan lelaki dan wanita kini dianggap akan bermula dengan janji temu (atau hubungan seksual), transisi ke bersekedudukan dan kemudiannya barulah diakhiri dengan perkahwinan (Cherlin 2009; Huang et al. 2011). Kajian oleh LPPKN (2004, 2016) telah menunjukkan berlakunya peningkatan hubungan seks dalam kalangan penduduk berumur 13 hingga 24 tahun dan belum berkahwin daripada 2.2 peratus (2004) kepada 4.8 peratus (2014). Bermakna, generasi milenium semakin terdedah kepada hubungan seks luar nikah yang menyebabkan mereka leka, menimbulkan masalah sosial dan akhirnya melewatkhan masa perkahwinan.

#### PERWATAKAN GENERASI MILENIUM

Tiga perwatakan generasi milenium yang mampu mempengaruhi penentuan masa perkahwinan, iaitu individualistik, materialistik dan kurang beragama. Perwatakan Generasi Milenium yang individualistik adalah selari dengan jolokan yang diberi oleh Twenge dan Kasser (2013) dan Twenge et al. (2012) sebagai Generasi Me. Individualisme menyebabkan individu lebih mementingkan kepuasan diri daripada obligasi sosial untuk berkahwin dan kekal berkahwin (Wilcox et al. 2016).

Generasi Milenium bersikap lebih materialistik berbanding Generasi Baby Boomer (Twenge et al. 2012; Wang & Griskevicius, 2013; Twenge & Kasser, 2013). Materialisme akan meletakkan keutamaan yang rendah kepada matlamat hubungan interpersonal (Zhou & Gao 2008). Individu yang materialistik kurang berpuas hati dengan kehidupan berkeluarga dan mempunyai lebih konflik dengan pasangan kekasih (Kasser & Ryan 2001; Nickerson et al. 2003). Materialistik membawa kepada sikap lebih negatif terhadap perkahwinan (Li et al. 2015) dan sikap ini mampu menyebabkan generasi milenium berkahwin lewat.

Generasi Milenium juga dikatakan sebagai generasi yang tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh (Pew Research Center 2015; Twenge et al. 2015). Mahoney (2010) menyatakan kepercayaan kepada agama akan menyokong kekuatan dan kestabilan institusi perkahwinan. Rendon et al. (2014) pula menyatakan mereka yang mempunyai pegangan agama akan berkahwin pada umur lebih muda berbanding dengan mereka yang tiada pegangan agama. Pegangan agama akan mempengaruhi keputusan seseorang untuk berkahwin atau tidak berkahwin (Sigalow et al. 2012). Maka, individu muda yang mempunyai pegangan agama akan meletakkan keutamaan yang tinggi kepada perkahwinan (Dollahite et al. 2012; Willoughby et al. 2012).

## METODOLOGI

Pendekatan kuantitatif diaplikasikan dalam kajian ini. Populasi kajian adalah pelajar prasiswazah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sampel kajian adalah pelajar warganegara Malaysia, bujang dan berumur 24 tahun ke bawah. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan kohort kelahiran generasi milenium yang lahir antara tahun 1982 hingga 2004 (Strauss & Howe 2000). Jumlah pelajar prasiswazah di FSSK bagi sesi akademik tahun 2017/ 2018 adalah 2,494 orang, iaitu 635 pelajar lelaki dan 1,859 pelajar wanita. Berdasarkan saiz populasi 2494 pelajar prasiswazah, sasaran saiz sampel kajian ialah 331 (Krejcie & Morgan 1970).

Teknik pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini dengan mengambilkira kriteria generasi millennium, warganegara Malaysia, bujang dan berumur 24 tahun ke bawah. Teknik ini juga bersesuaian dengan penggендalian soal selidik secara atas talian yang memenuhi ciri-ciri pensampelan tidak rawak memandangkan kebarangkalian penglibatan responden dalam sampel kajian tidak dapat ditentukan dan setiap individu mempunyai pilihan untuk terlibat ataupun tidak dalam kajian ini (Fricker 2008). Hasilnya sebanyak 285 borang soal selidik yang lengkap berjaya dikumpulkan.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dan ianya dikendalikan secara atas talian. Kajian-kajian lepas telah dirujuk sebagai panduan untuk membina borang soal selidik, terutamanya kajian LPPKN (2004), Twenge dan Kasser (2013), Willoughby et al. (2012), Parker dan Stepler (2017), dan Mohd Yusof (2016). Borang

soal selidik mengandungi 71 soalan daripada tujuh bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, D, E, F dan G. Soal selidik di bahagian D, E dan F menggunakan skala Likert sebagai pengukuran (Garland 1991). Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 pelajar prasiswazah prasiswazah FSSK. Dalam kajian ini, interpretasi kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah berdasarkan Chua (2014) dan George dan Mallery (2003) dengan catatan nilai Alpha Cronbach berikut; faktor sosioekonomi ( $\alpha=0.756$ ), faktor budaya ( $\alpha=0.787$ ) dan perwatakan generasi millennium ( $\alpha=0.775$ ).

Analisis deskriptif dan inferensi diaplikasikan dalam kajian ini. Analisis diskriptif (kekerapan dan peratus) digunakan bagi menjawab objektif pertama kajian, iaitu mengenalpasti kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat. Manakala objektif kedua kajian, menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat dianalisis menggunakan regresi multinomial logistik. Analisis regresi multinomial logistik digunakan bagi meramalkan faktor yang mempengaruhi kebarangkalian berkahwin lewat memandangkan pembolehubah bersandar adalah politomi dengan tiga kategori data, iaitu “ya”, “tidak” dan “tidak pasti”. Pembolehubah bebas kajian adalah skala selanjut dan skala kategori.

Dalam regresi multinomial logistik terdapat lebih daripada dua pembolehubah bersandar kategorikal dan regresi ini dapat meramalkan kebarangkalian pelbagai *outcome* berbeza berdasarkan kepada beberapa pembolehubah bebas (Nor Amira et al. 2016). Rujukan kategori yang dipilih dalam analisis regresi ini ialah pembolehubah bersandar “tidak pasti” kerana pengkaji ingin mengkaji faktor yang mempengaruhi kebarangkalian responden untuk berkahwin lewat dan tidak berkahwin lewat. Menurut Katz (2011), pilihan rujukan kategori tidak menjelaskan jawapan matematik, tetapi ia akan mempengaruhi laporan keputusan analisis. Beliau juga mencadangkan supaya rujukan kategori yang dipilih hendaklah sama ada kategori terbanyak atau kategori yang ingin dikaji.

Oleh itu, pengkaji telah membuat perbandingan pembolehubah “Ya” dan “Tidak” kepada “Tidak Pasti” untuk menentukan pengaruh pembolehubah bebas ke atas kebarangkalian berkahwin lewat. Andaian bahawa,  $Y_i$  adalah pembolehubah bersandar dengan tiga kategori kebarangkalian berkahwin lewat i, dan kebarangkalian untuk berada dalam kategori  $k(k=“1”$  [ya], “2” [tidak], dan “3” [tidak pasti]) ditandakan sebagai  $\pi_{ik} = \text{Pr}(Y_i=k)$  dengan kategori rujukan  $\pi_{i(3)}$ . Model regresi multinomial

logistik dengan satu pembolehubah bebas  $X_i$  dalam bentuk model ringkas yang diubahsuai daripada Zaimah (2011) adalah seperti berikut:

$$\log(\pi_i(k)/\pi_i(3)) = \beta_0(k) + \beta_1(k)X_i \quad k=1,2$$

Menerusi model ini, setiap kategori  $k$  melibatkan pembolehubah bebas yang sama, dan anggaran bagi persilangan berbeza,  $\beta_0$  dan parameter kecerunan,  $\beta_1$  ditentukan dalam setiap perbandingan. Ujian statistik yang digunakan dalam regresi logistik multinomial ialah statistik “-2 Log likelihood”, “Nagelkerke R<sup>2</sup>” dan “Wald”. Statistik “-2 Log likelihood” dan “Nagelkerke R<sup>2</sup>” bertujuan untuk menunjukkan kesepadan model regresi dengan data kajian. Semakin kecil nilai “-2 Log likelihood” dalam model akhir, semakin sepadan model dengan data kajian (Chua, 2009). Perbezaan antara nilai “-2 Log likelihood” bagi model nol dengan nilai bagi model akhir menghasilkan nilai bagi “Likelihood ratio test”. Ujian “Likelihood ratio test” bertujuan untuk membuktikan bahawa hubungan pembolehubah bebas dengan outcome adalah lebih daripada yang dijangka secara ketebulan (Katz, 2011). Sehubungan itu, hipotesis nol yang menyatakan pembolehubah bebas tidak mempengaruhi outcome adalah ditolak apabila keputusan ujian “Likelihood ratio test” adalah signifikan.

Statistik “Nagelkerke R<sup>2</sup>” pula menunjukkan kekuatan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Nilai R<sup>2</sup> adalah antara ‘0’ dengan ‘1’ di mana ‘1’ menunjukkan model telah menyumbang 100 peratus kepada varians dalam outcome dan ‘0’ menunjukkan model tidak menyumbang kepada sebarang varians (Strand et al. 2011). Manakala statistik “Wald” bertujuan untuk menentukan sama ada setiap pembolehubah bebas menyumbang secara signifikan kepada ramalan

outcome. Pembolehubah bebas adalah signifikan apabila statistik “Wald” bernilai rendah daripada 0.05 ( $P < .05$ ).

Keputusan ujian kesepadan model regresi multinomial logistik kepada pembolehubah bebas juga menunjukkan nilai pekali jangkaan “B” dan “Exp (B)”. Pekali “B” digunakan dalam persamaan untuk meramal kebarangkalian berlaku. Nilai pekali “B” yang positif menunjukkan pembolehubah bebas telah meningkatkan kebarangkalian pembolehubah bersandar untuk berlaku. Sekiranya pekali “B” adalah negatif maka pembolehubah bebas telah mengurangkan kebarangkalian pembolehubah bersandar untuk berlaku. Manakala “Exp (B)” bertujuan untuk menunjukkan perubahan dalam nisbah kemungkinan untuk setiap peningkatan dalam satu unit pembolehubah bebas (Fauzi et al. 2014). Perubahan ini juga boleh dinyatakan dalam bentuk peratusan [ $“Exp (B)” - 1$ ]  $\times 100\%$ . Cadangan dan satu kesimpulan akan dibentuk berdasarkan keputusan keseluruhan analisis data yang telah dijalankan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### LATAR BELAKANG RESPONDEN


Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden. Majoriti responden adalah perempuan (80.7%) dan selebihnya lelaki. Majoriti responden berumur 20 hingga 22 tahun (90.6%). Majoriti responden adalah Melayu (94%), diikuti Cina (3.2%), India (1.4%) dan selebihnya adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak. Majoriti responden beragama Islam (95.1%). Lebih separuh daripada responden adalah pelajar tahun 1 (55.1%), diikuti oleh pelajar tahun dua (38.6%) dan tahun tiga (6.3%). Sebahagian besar responden membiayai pengajian mereka melalui pinjaman pendidikan (71.2%).

JADUAL 1. Latar belakang responden (n=285)

Item	Kekerapan (%)	Item	Kekerapan (%)
Jantina		Umur	
Lelaki	55 (19.3)	18-19 tahun	3 (1.1)
Perempuan	230 (80.7)	20-22 tahun	258 (90.6)
Kaum		23-24 tahun	27 (9.5)
Melayu	268 (94)	Agama	
Cina	9 (3.2)	Islam	271 (95.1)
India	4 (1.4)	Buddha	8 (2.8)
Bumiputra Sabah	2 (0.7)	Hindu	4 (1.4)
Bumiputra Sarawak	2 (0.7)	Kristian	2 (0.7)
Tahun Pengajian		Pembentukan Pengajian	
Tahun 1	157 (55.1)	Sendiri	67 (23.5)
Tahun 2	110 (38.6)	Pinjaman	203 (71.2)
Tahun 3	18 (6.3)	Biasiswa	15 (5.3)

## KEBARANGKALIAN BERKAHWIN LEWAT

Rajah 1 menunjukkan kebarangkalian responden untuk berkahwin lewat. Lebih daripada separuh responden tidak pasti kebarangkalian mereka berkahwin lewat atau tidak (53.3%), diikuti oleh responden yang mempunyai kebarangkalian untuk berkahwin lewat (25.6%) dan selebihnya responden menyatakan mereka tidak akan berkahwin lewat



RAJAH 1. Kebarangkalian berkahwin lewat

Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti generasi milenium tidak pasti untuk berkahwin lewat. Ketidakpastian ini mencadangkan bahawa generasi ini masih kabur mengenai masa perkahwinan yang dianggap sebagai lewat atau tidak. Hal ini kerana majoriti mereka menunjukkan keinginan untuk berkahwin pada umur 25 hingga 29 tahun. Menurut LPPKN (2016), umur lewat untuk berkahwin adalah 37 tahun untuk lelaki dan 33 tahun bagi wanita. Seperkara lagi, generasi milenium dalam kajian yang masih lagi dalam peringkat pengajian menyebabkan mereka tidak dapat meramalkan masa perkahwinan yang terbaik untuk diri sendiri. Hasil kajian menunjukkan generasi milenium tidak menunjukkan kebarangkalian untuk berkahwin lebih lewat daripada generasi sebelumnya, memandangkan majoriti mereka telah meletakkan niat untuk berkahwin dalam pada sela umur 25 hingga 29 tahun. Penemuan kajian ini merumuskan generasi milenium masih memandang tinggi akan kepentingan institusi perkahwinan sebagai simbol kedewasaan.

## FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KEBARANGKALIAN BERKAHWIN LEWAT

Analisis regresi multinomial logistik dipersembahkan bagi menunjukkan faktor-faktor yang diramalkan akan mempengaruhi kebarangkalian berkahwin lewat dalam kalangan generasi milenium. Pembolehubah-pembolehubah bebas yang terlibat adalah latar belakang diri dan keluarga, faktor sosioekonomi, faktor budaya dan perwatakan generasi milenium. Latar belakang diri dan keluarga merangkumi jantina, lokasi kediaman, bilangan adik-beradik,

(25.1%). Majoriti responden ingin berkahwin pada umur 25 hingga 29 tahun (71.2%). Sela umur ini menjadi pilihan kerana mereka akan tamat pengajian dan mula bekerja pada umur tersebut. Dapatan ini berbezaan dengan penemuan LPPKN (2016). Menurut LPPKN (2016), purata umur ingin berkahwin bagi lelaki (32 tahun) dan wanita (30 tahun).

nombor kelahiran, tahap pendidikan ibu bapa, status sosioekonomi keluarga dan status perkahwinan ibu bapa.

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis multinomial logistik bagi kebarangkalian berkahwin lewat generasi milineal. Keputusan ujian "Likelihood ratio test" menunjukkan pembolehubah bebas telah memberikan kesan yang signifikan kepada ketepatan kesepadan model regresi logistik ini ( $\chi^2=90.191$ ,  $df=32$ ,  $p<.05$ ). Selain itu, pembolehubah bebas telah meramalkan sebanyak 31.3 peratus kepada varians dalam pembolehubah bersandar (Nagelkerke  $R^2=.313$ ). Dengan ini, model regresi multinomial logistik dengan pembolehubah bebas telah memberi ramalan secara signifikan kepada kebarangkalian berkahwin lewat berbanding model regresi multinomial logistik tanpa pembolehubah. Dapatan menunjukkan latar belakang diri dan keluarga, faktor sosioekonomi, faktor budaya dan perwatakan generasi milenium telah mempengaruhi kebarangkalian berkahwin lewat dalam kalangan generasi milenium.

Ujian statistik "Wald" bagi model regresi logistik "ya" relatif kepada "tidak pasti" menunjukkan bahawa faktor sosioekonomi dan faktor budaya telah meramalkan pembolehubah bersandar berkahwin lewat secara signifikan ( $p<.05$ ). Manakala lain-lain pembolehubah bebas adalah tidak signifikan. Nilai "Exp (B)" menunjukkan peningkatan satu unit faktor sosioekonomi menyebabkan kebarangkalian berkahwin lewat meningkat sebanyak 3.328 kali. Oleh itu, kebarangkalian untuk berkahwin lewat kerana faktor sosioekonomi adalah 233 peratus lebih tinggi berbanding kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat. Manakala kebarangkalian

berkahwin lewat kerana faktor budaya pula adalah 154 peratus lebih tinggi berbanding kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat.

Manakala keputusan ujian statistik “Wald” bagi model regresi logistik “tidak” berbanding “tidak pasti” menunjukkan bahawa bapa responden yang berpendidikan sehingga sekolah rendah dan ke bawah serta faktor budaya telah meramalkan pembolehubah bersandar berkahwin tidak lewat secara signifikan ( $p<.05$ ). Pembolehubah-pembolehubah bebas yang lain pula adalah tidak signifikan. Kebarangkalian responden yang bapanya berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah untuk berkahwin tidak lewat adalah 76.8 peratus lebih rendah berbanding kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat. Selain itu, responden yang memilih faktor budaya sebagai faktor yang mempengaruhi kebarangkalian mereka untuk berkahwin tidak lewat adalah 68.1 peratus lebih rendah berbanding kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat.

Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi kebarangkalian responden untuk berkahwin lewat adalah faktor sosioekonomi. Analisis ini mencadangkan bahawa penumpuan generasi milenium kepada pembangunan kompetensi diri dalam bentuk pendidikan, kerjaya dan kestabilan kewangan peribadi menyebabkan penangguhan transisi mereka daripada alam pengajian ke alam pekerjaan dan seterusnya ke alam perkahwinan. Peluang pendidikan yang lebih terbuka mendorong mereka untuk melewatkkan masa perkahwinan (Gebel & Hyne 2016; Syed Abdul Razak & Mustafa 2007). Oleh itu, generasi milenium sanggup berkahwin lewat demi memastikan diri mereka mempunyai kelebihan dalam pendidikan dan pekerjaan.

Tambahan lagi, ketidaktentuan ekonomi semasa dan limpahan graduan pada hari ini menyebabkan mereka perlu bersaing dengan lebih kompetitif dalam alam pekerjaan. Tanpa pekerjaan yang stabil, generasi milenium akan berhadapan dengan ketidakseimbangan ekonomi peribadi apatah lagi untuk menjelaskan hutang pinjaman pendidikan dan menampung perbelanjaan perkahwinan. Pekerjaan merupakan petunjuk kesejahteraan ekonomi yang paling penting dalam kehidupan seseorang. Lanjutnya itu, generasi milenium perlu mencapai kestabilan kewangan peribadi bagi memastikan mereka bersedia dalam bentuk kewangan sebelum memegang tanggungjawab sebagai suami mahupun isteri. Analisis ini juga menunjukkan peranan penting faktor sosioekonomi kepada kahwin lewat dalam kalangan generasi milenium yang berumur 24 tahun

dan ke bawah. Keputusan analisis selari dengan LPPKN (2016) yang mendapat masalah kewangan merupakan antara faktor utama yang mendorong penduduk bujang (25 hingga 49 tahun) berkahwin lewat.

Selain itu, kebarangkalian generasi milenium untuk berkahwin lewat turut dipengaruhi oleh faktor budaya. Pemodenan yang berlaku pada hari ini ternyata telah mengubah tradisi masyarakat yang berkahwin awal. Jika dahulu perkahwinan dijadikan sebagai kunci kepada alam kedewasaan tetapi kini perkahwinan telah menjadi perkara kedua yang perlu dicapai selepas kestabilan sosioekonomi peribadi. Lantaran itu, analisis ini mencadangkan bahawa perubahan budaya telah menyebabkan perubahan keutamaan perkahwinan dalam kehidupan masyarakat. Senario ini mendorong generasi milenium untuk kekal membujang dan mendahulukan aspirasi peribadi sebelum mendirikan rumah tangga. Keinginan untuk membujang berlaku kerana seseorang itu meletakkan keutamaan kepada pembangunan kerjaya, kestabilan kewangan dan kejayaan kebendaan berbanding perkahwinan dan zuriat (Jones 2012). Malahan pemodenan dan perbandaran telah mempengaruhi masa perkahwinan masyarakat Melayu kepada masa yang lebih lewat (Xiao, 2016). Oleh itu, generasi milenium yang dipengaruhi oleh faktor budaya berkebarangkalian untuk berkahwin lewat.

Keputusan analisis ini juga mencadangkan bahawa faktor budaya telah mempengaruhi keinginan untuk berkahwin lewat apabila pembujangan semakin diterima oleh masyarakat. Perubahan stigma masyarakat terhadap individu berkahwin lewat telah menyebabkan generasi milenium tidak terdesak untuk berkahwin awal. Bahkan generasi milenium menunjukkan kesanggupan untuk berkahwin lewat dengan menetapkan kriteria pasangan yang menjadi idaman. Individu bujang telah meletakkan kriteria pasangan yang ingin dikahwini dalam pelbagai aspek yang merangkumi pencapaian akademik, ekonomi dan sempurna daripada segi fizikal dan perwatakan (Jones 2012; Straughan 2012). Sehubungan itu, faktor budaya telah menyebabkan generasi milenium lebih cerewet dalam memilih bakal pasangan hidup dan mempengaruhi keputusan mereka untuk berkahwin lewat.

Meskipun begitu, faktor budaya turut mempengaruhi kebarangkalian generasi milenium bagi kategori “tidak” dan “tidak pasti” untuk berkahwin lewat. Dapatkan daripada analisis regresi logistik ini menunjukkan bahawa pengaruh faktor budaya kepada kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat adalah lebih tinggi

berbanding kebarangkalian berkahwin tidak lewat. Ketidakpastian dalam pembuatan keputusan berhubung masa perkahwinan ini mencadangkan bahawa generasi milenium sukar untuk menentukan masa perkahwinan yang difikirkan terbaik untuk diri mereka memandangkan mereka tiada gambaran jelas mengenai definisi dan kesan berkahwin lewat. Namun, menyedari akan kepentingan berkahwin awal daripada perspektif individu yang rapat seperti

keluarga, rakan dan masyarakat menyebabkan mereka mengambil keputusan yang tidak memihak kepada mana-mana jawapan iaitu “tidak pasti”. Oleh itu, generasi milenium dalam kajian ini yang dipengaruhi oleh faktor budaya menunjukkan kebarangkalian “tidak pasti” untuk berkahwin lewat yang lebih tinggi berbanding kebarangkalian “tidak” untuk berkahwin lewat.

JADUAL 2. Hasil regresi multinomial logistik kebarangkalian berkahwin lewat

Pembolehubah bebas	Ya (n=73)				Tidak (n=60)			
	Beta	Wald	Sig.	Exp(B)	Beta	Wald	Sig.	Exp(B)
Persilangan	-7.264				6.165a			
A Latar belakang diri dan keluarga:								
Jantina								
Lelaki	.081 (.394)	.043	.837	1.085	-.201 (.430)	.219	.640	.818
Perempuan	0a	-	-	-	0a	-	-	-
Lokasi kediaman								
Bandar	.234 (.342)	.470	.493	1.264	-.009 (.362)	.001	.980	.991
Luar bandar	0a	-	-	-	0	-	-	-
Bilangan adik-beradik								
1 orang	.050 (1.032)	.002	.962	1.051	.890a (1.338)	.443	.506	2.436
2-5 orang	-.564 (.412)	1.870	.172	.569	.681 (.483)	1.984	.159	1.975
≥ 6 orang	0a	-	-	-	0	-	-	-
Nombor kelahiran								
1	.277(.711)	.152	.696	1.320	-1.116a (.821)	1.847	.174	.328
2-5	.275 (.653)	.177	.674	1.317	-.485 (.759)	.407	.523	.616
≥ 6	0a	-	-	-	0	-	-	-
Tahap pendidikan bapa								
Sekolah rendah dan ke bawah	-.792 (.619)	1.634	.201	.453	-1.462a (.719)	4.132	.042	.232
Sekolah menengah	.211 (.394)	.287	.592	1.235	-.498 (.412)	1.463	.227	.608
Kolej atau universiti	0a	-	-	-	0	-	-	-
Tahap pendidikan ibu								
Sekolah rendah dan ke bawah	1.094 (.688)	2.527	.112	2.987	1.235 (.783)	2.492	.114	3.439
Sekolah menengah	.184 (.447)	.169	.681	1.202	.069 (.448)	.024	.878	1.071
Kolej atau universiti	0a	-	-	-	0	-	-	-
Status sosioekonomi keluarga								
RM6,501 dan ke bawah	-.733 (1.125)	.425	.514	.480	-.554a (1.317)	.177	.674	.575
RM6,502-RM16,087	-1.168 (1.157)	1.018	.313	.311	-.328 (1.317)	.062	.803	.720
RM16,088 dan ke atas	0	-	-	-	0a	-	-	-
Status perkahwinan ibu bapa								
Berkahwin	-.383 (.547)	.488	.485	.682	.029 (.613)	.002	.962	1.029
Bercerai	0	-	-	-	0	-	-	-
B Faktor sosioekonomi	1.203 (.446)	7.279	.007	3.328	-.482 (.448)	1.157	.282	.618
C Faktor budaya	.931 (.467)	3.972	.046	2.538	-1.142a (.512)	4.971	.026	.319
D Perwatakan Generasi Milenium	-.229 (.415)	.305	.581	.795	-.289 (.443)	.425	.514	.749

Nota: Rujukan kategori adalah kebarangkalian kahwin lewat tidak pasti.

a Parameter “0” kerana redundant.

Angka dalam kurungan adalah ralat.

Pseudo R<sup>2</sup>=.313,  $\chi^2$ =90.191, df=32, p=.000

Bapa yang berpendidikan sehingga sekolah rendah dan ke bawah pula telah menunjukkan pengaruh yang lebih tinggi kepada kebarangkalian tidak pasti untuk berkahwin lewat berbanding kebarangkalian tidak berkahwin lewat dalam kalangan responden. Analisis ini mencadangkan bahawa bapa yang berpendidikan rendah tidak memberi tekanan kepada generasi milenium dalam kajian ini untuk menetapkan masa perkahwinan dari usia yang muda. Oleh itu, generasi milenium yang bapanya berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah telah mengambil pendirian tidak pasti kepada kebarangkalian untuk berkahwin lewat. Meskipun begitu, kajian ini juga menunjukkan bapa yang berpendidikan rendah secara signifikan mempengaruhi kebarangkalian berkahwin tidak lewat. Penemuan kajian ini adalah berbeza dengan Wong (2005) yang menyatakan tahap pendidikan bapa tidak mempengaruhi masa perkahwinan seseorang. Kajian ini mendapati sebahagian generasi milenium yang mempunyai bapa berpendidikan rendah tidak berhadapan dengan tekanan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi yang akan melewatkannya lagi masa perkahwinan. Lantas, generasi milenium dengan bapa berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah telah menunjukkan kebarangkalian tidak berkahwin lewat.

Selain itu, keputusan analisis ini mencadangkan bahawa meskipun masyarakat pada hari ini telah semakin menerima pilihan individu untuk berkahwin lewat tetapi segelintir daripada mereka sedar bahawa pilihan ini bertentangan dengan amalan tradisi yang menggalakkan kahwin awal. Masyarakat Melayu sebagai contohnya masih berpegang kepada nilai dan norma tradisional dalam kehidupan mereka meskipun mereka terdedah kepada impak perbandaran dan perindustrian (Xiao, 2016). Kesedaran mengenai kepentingan budaya tradisional inilah yang menyebabkan generasi milenium yang dipengaruhi oleh faktor budaya memilih untuk tidak berkahwin lewat.

## KESIMPULAN

Kebanyakan kajian berhubung generasi milenium dan perkahwinan adalah bersandarkan kepada hujah pengkaji-pengkaji dari luar negara. Generasi milenium di Malaysia berhadapan dengan peristiwa sejarah dan perubahan sosial yang berbeza dengan generasi milenium di luar negara. Kajian ini mampu membuka mata generasi sebelumnya untuk lebih

mengenali perwatakan generasi milenium dan menyelami kekangan-kekangan yang dihadapi generasi ini yang menyebabkan mereka kahwin lewat. Generasi milenium juga menerima manfaat daripada kajian ini melalui penjelasan perwatakan mereka serta persepsi individu daripada generasi mereka mengenai kahwin lewat. Penemuan ini juga boleh dirujuk oleh KPWKM dan LPPKN dalam merangka dasar yang lebih mesra keluarga dan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur. Hasil kajian ini juga mampu membantu agensi yang terlibat secara langsung dalam program dan insentif perkahwinan untuk merancang dan menyediakan pendekatan yang lebih komprehensif dan proaktif selari dengan keperluan dan kehendak semasa generasi milenium.

Pengaruh faktor sosioekonomi terhadap kebarangkalian berkahwin lewat jelas dapat dilihat apabila majoriti generasi milenium dalam kajian ini membuktikan kepentingan pekerjaan tetap, bebanan pinjaman pendidikan dan status sosioekonomi peribadi terhadap penentuan masa perkahwinan mereka. Pengaturan lebih banyak latihan yang berorientasikan teknikal dan vokasional dapat memberi peluang kepada generasi milenium untuk menambah kemahiran dan membuka peluang mereka untuk menjana pendapatan dengan bekerja sendiri. Jaminan pendapatan tetap setelah tamat pengajian membolehkan generasi milenium untuk menampung hutang pinjaman pendidikan dan belanja perkahwinan yang perlu ditanggung oleh mereka. Hal ini kerana kedudukan sosioekonomi lazimnya dijadikan sebagai kayu ukur dalam pemilihan calon pasangan hidup dan menentukan tahap kestabilan kewangan seseorang yang ingin berkahwin dan ingin dikahwini.

Selain itu, dasar dan faedah skim pinjaman pendidikan sedia ada perlu dikaji semula kesesuaianya agar generasi milenium tidak terikat dengan komitmen kewangan peribadi yang tinggi yang akhirnya menyebabkan mereka terpaksa menangguhkan masa perkahwinan mereka. Semakan ini dijangkakan dapat meringankan beban kewangan Generasi Milenium memandangkan mereka terpaksa bersaing dengan limpahan graduan lain dalam era pekerjaan kelak. Di samping itu, adalah dicadangkan supaya lebih banyak tawaran biasiswa disediakan buat Generasi Milenium yang berprestasi cemerlang dalam akademik sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan jumlah generasi ini yang terikat dengan hutang pinjaman pendidikan setelah tamat pengajian.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Geran FRGS/1/2019/SS08/UKM/02/1 atas sokongan dan pembiayaan penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Amaria, O. 2015. Understanding Y: Global millennials. <http://www.uydmedia.com/who-are-global-millennials/> (assessed 9 Oktober 2017).
- Anderson, L.R. 2017. Generational differences during young adulthood: Baby boomers vs Millennials. <https://www.bgsu.edu/content/dam/BGSU/college-of-arts-andsciences/ NCFMR/documents/FP/anderson-demographics-baby-boomersmillennials-fp-17-06.pdf> (assessed 3 Oktober 2017).
- Asliza Yusoff, Noor Hazlina Ahmad and Hasliza Abdul Halim. 2017. Agropreneurship among Gen Y in Malaysia: The role of academic institution. [https://www.researchgate.net/publication/313795035\\_Agropreneurship\\_among\\_Gen\\_Y\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/313795035_Agropreneurship_among_Gen_Y_in_Malaysia) (assessed 9 Oktober 2017).
- Beri, N. and Beri, A. 2013. Perception of single women towards marriage, career and education. *European Academic Research* 1(6): 855-869.
- Bozick, R. and Estacion, A. 2014. Do student loans delay marriage? Debt repayment and family formation in young adulthood. *Demographic Research* 30(69): 1865-1891.
- Brons, M.D., Liefbroer, A.C. and Ganzeboom, H.B.G. 2017. Parental socio-economic status and first union formation: Can European variation be explained by the second demographic transition theory? *European Sociological Review* 33(6):809-822.
- Cantalini, S. 2017. Does education affect the timing or probability of family formation? An analysis of educational attainment and first union in Italy. *Research in Social Stratification and Mobility* 49: 1-10.
- Cherlin, A. 2009. *The marriage-go-round: The state of marriage and family in America today*. New York: Random House Inc.
- Chua Yan Piew. 2009. *Statistik penyelidikan lanjutan: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dhillon, N. and Yousef, T. 2009. *Generation in waiting: The unfulfilled promise of young people in the Middle East*. Washington: Brookings Institution Press.
- Dollahite, D.C., Hawkins, A.J. and Parr, M.R. 2012. Something more: The meanings of marriage for religious couples in America. *Marriage and Family Review* 48:339-362.
- Dubow, E.F., Boxer, P. and Huesmann, L.R. 2009. Long-term effects of parents' education on children's educational and occupational success: Mediation by family interactions, child aggression, and teenage aspirations. *Merrill-Palmer Quarterly* 55(3): 224-249.
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Nurhanie Mahjom, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Normala Zulkifli, Norimah Rambeli @ Ramli dan Mohamad Azahari Ahmad. 2016. Analisis corak perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan. *Management Research Journal* 6(1): 22-31.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor. 2014. *Kaedah penyelidikan dan analisis data SPSS*. Sintok: UUM Press.
- Fricker, R.D.J. 2008. Sampling methods for web and e-mail surveys. In Fielding, N., Lee, R.M. and Blank, G. (pnyt.). *The SAGE handbook of online research methods: Online research methods and social theory*, 195-216. London: SAGE Publications Ltd.
- Garland, R. 1991. The mid-point on a rating scale: Is it desirable? *Marketing Bulletin* 2: 66-70.
- Gebel, M. and Heyne, S. 2016. Delayed transactions in times of increasing uncertainty: School-to-work transition and the delay of first marriage in Jordan. *Research in Social Stratification and Mobility* 278: 1-12.
- George, D. and Mallory, P. 2003. *SPSS for windows step by step: A simple guide and reference*. 4<sup>th</sup> Edition. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Goldin, C. and Katz, L.F. 2000. Career and marriage and the age of the pill. *American Economic Review* 90(2): 461-465.
- Haneman, V.J. 2017. Marriage, millennials, and massive student loan debt. *Concordia Law Review* 2(1): 103-117.
- Hymowitz, K., Carroll, J.S., Wilcox, W.B. and Kaye, K. 2013. Knot yet: The benefits and costs of delayed marriage in America. <http://nationalmarriageproject.org/wp-content/uploads/2013/03/KnotYet-FinalForWeb.pdf> (assessed 10 October 2017).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2015. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/4\\_Portal%20Content/1\\_About%20us/7\\_AnnualReport/Laporan\\_Tahunan\\_2015\\_DOSM.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/4_Portal%20Content/1_About%20us/7_AnnualReport/Laporan_Tahunan_2015_DOSM.pdf) (assessed 17 May 2021).
- Jisun, T.F. 2016. Early marriage of women: The case of Bangladesh. *World Journal of Social Sciences* 6(2): 51-61.
- Jones, G.W. and Yeung, W.J. 2012. Marriage in Asia. *Journal of Family Issues* 35(12): 1567-1583.
- Jones, G.W. 2007. Delayed marriage and very low fertility in Pacific Asia. *Population and Development Review* 33(3): 453-478.
- Kalleberg, A. 2011. *Good jobs, bad jobs*. New York: Russell Sage Foundation.

- Kasser, T. and Ryan, R.M. 2001. Be careful what you wish for: Optimal functioning and the relative attainment of intrinsic and extrinsic goals. In Schmuck, P. and Sheldon, K.M. (Eds.), *Life goals and well-being: Towards a positive psychology of human striving*, 116-131. Hogrefe & Huber Publishers.
- Katz, M.H. 2011. *Multivariable analysis: A practical guide for clinicians and public health researchers*. 3<sup>rd</sup> Edition. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Kim, J. 2012. Past and future of the labor force in emerging Asian economies. *Japan and the World Economy* 24(2): 87-100.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Lasode, A.O. and Awotedu, F. 2014. Challenges faced by married university undergraduate female students in Ogun State, Nigeria. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 112: 102-113.
- Lee, S.M. and Edmonston, B. 2005. New marriages, new families: U.S. racial and Hispanic intermarriages. *Population Bulletin* 60(2): 3-36.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2004. *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat (KPKM-4)* 2004. Kuala Lumpur: Penerbitan Kerajaan.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2016. *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5)* 2014. Kuala Lumpur: Penerbitan Kerajaan.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2018. Bujang di Malaysia. <http://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatankependudukan/655-bujang-di-malaysia.html> (assessed 2 January 2018).
- Liu, Q. 2012. Unemployment and labor force participation in urban China. *China Economic Review* 23(1): 18-33.
- Mahoney, A. 2010. Religion in families, 1999-2009: A relational spirituality framework. *Journal of Marriage and Family* 72(4): 805-827.
- Martin, S.P., Astone, N.M. and Peters, H.E. 2014. Fewer marriages, more divergence: Marriage projections for millennials to age 40. <http://www.urban.org/sites/default/files/publication/22586/413110-Fewer-Marriages-More-Divergence-Marriage-Projections-for-Millennials-to-Age-.PDF> (assessed 10 Ogos 2017).
- Milkman, R. 2016. A new political generation: Millennials and the post-2008 wave of protest. *American Sociological Review* 82(1): 1-31.
- Mohd Yusof Kamaruzaman, Mohd Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. 2020. Konsumerisme dan Kelas Sosial dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 90: 35-49.
- Salehuddin Mohd Zahari and Mohd Zulhilmi Suhaimi. 2016. The moderating effects of wedding food costs on the late marriage among the Malay male adults. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)* 8(2): 22-35.
- Moon, M. 2011. The effects of divorce on children: Married and divorced parent's perspectives. *Journal of Divorce and Remarriage* 52: 344-349.
- Mooyaart, J.E. and Liefbroer, A.C. 2016. The influence of parental education on timing and type of union formation: Changes over the life course and over time in the Netherlands. *Demography* 53(4): 885-919.
- Nduonofit, L-L. E. and Nwala-Cadger, G. 2015. Unemployment and late marriage: A study of post graduate students of University of Port Harcourt. *International Journal of Innovative Social Sciences & Humanities Research* 3(1):1-9.
- Nickerson, C., Schwarz, N., Diener, E. and Kahneman, D. 2003. Zeroing in on the dark side of the American dream: A closer look at the negative consequences of the goal for financial success. *Psychological Science* 14(6): 531-536.
- Nooriah Yusof & Zakiyah Jamaluddin. 2018. Kos perbelanjaan perumahan dalam kalangan penduduk kawasan perumahan kos rendah dan sederhana di Pulau Pinang. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 88(1): 167-179.
- Nor Amira Mohamad, Zalila Ali, Norlida Mohd Noor and Adam Baharum. 2016. Multinomial logistic regression modelling of stress level among secondary school teachers in Kubang Pasu District, Kedah. *Advances in Industrial and Applied Mathematics* 1750(1): 1-11.
- Omandi, W. and Kamonjo, W. 2015. University students' perception of marriage life by gender at Egerton University, Njoro Campus, Kenya. *International Journal of Scientific Research and Innovative Technology* 2(7): 2313-3759.
- Palamuleni, M.E. 2011. Socioeconomic determinants of age at marriage in Malawi. *International Journal of Sociology and Anthropology* 3(7): 224-235.
- Parker, K. and Stepler, R. 2017. Americans see men as the financial providers, even as women's contributions grow. <http://www.pewresearch.org/facttank/2017/09/20/americans-see-men-as-the-financial-providers-even-as-womens-contributions-grow/> (assessed 10 Oktober 2017).
- Peng Tey Nai. 2007. Trends in delayed and non-marriage in peninsular Malaysia. *Asian Population Studies* 3(3): 243-261.
- Pew Research Center. 2015. U.S. public becoming less religious. <http://www.pewforum.org/2015/11/03/u-s-public-becoming-less-religious/> (assessed 10 Oktober 2017).
- Rendon, J.J., Xu, X., Denton, M.L. and Bartkowski, J.P. 2014. Religion and marriage timing: A replication and extension. *Religions* 5: 834-851.

- Retherford, R.D., Ogawa, N. and Matsukura, R. 2011. Late marriage and less marriage in Japan. *Population and Development Review* 27(1): 65-102.
- Rosliana Mohamed, Zaimah, R., Sarmila, M. S. 2020. Kemampuan pemilikan rumah dalam kalangan M40 di Malaysia. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 90: 63-74.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordayana Tambi, Junaidi Awang Besar. 2020. Faktor pemilihan pekerjaan tidak formal dalam kalangan generasi muda. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 90 Isu Khas 1: 147-160.
- Seifoori, B. 2016. The impact of socio-economic and demographic factors on age at first marriage among married women in villages of Zabol, Iran. *International Journal of Humanities and Cultural Studies* 2(4): 2136-2145.
- Shafer, K. and James, S.L. 2013. Gender and socioeconomic status differences in first and second marriage formation. *Journal of Marriage and Family* 75(3): 544-564.
- Sigalow, E., Shain, M. and Bergey, M.R. 2012. Religion and decisions about marriage, residence, occupation, and children. *Journal for the Scientific Study of Religion* 51(2): 304-323.
- Strand, S., Cadwallader, S. and Firth, D. 2011. Module 4-binary logistic regression. <http://www.restore.ac.uk/srme/www/fac/soc/wie/researchnew/srme/modules/mod4/> (assessed 2 Mac 2018).
- Straughan, P.T. 2012. Delayed marriage and ultra-low fertility in singapore-the confounding challenges to social stability. Paper presented at The Population Conundrum- Roundtable on Singapore's Demographic Challenges. Anjuran The Civil Service College (CSC) dan Institute of Policy Studies (IPS), Orchard, Singapura, 3 Mei.
- Strauss, W. and Howe, N. 2000. *Millennials rising: The next great generation*. New York: Vintage Books.
- Syed Abdul Razak Syed Mahadi dan Mustafa Omar. 2007. Pengalaman perubahan keluarga dan tingkat fertiliti di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia: Satu analisis dari aspek demografi. *Borneo Research Journal* 1: 55-75.
- Taylor, P., Passel, J.S., Wang, W. and Velasco, G. 2011. For millennials, parenthood trumps marriage. <http://www.pewsocialtrends.org/files/2011/03/millennialsmarriage.pdf> (assessed 5 Oktober 2017).
- Twenge, J. M., Campbell, W.K. and Freeman, E.C. 2012. Generational differences in young adults' life goals, concern for others, and civic orientation, 1966-2009. *Journal of Personality and Social Psychology* 102(5): 1045-1062.
- Twenge, J.M. and Kasser, T. 2013. Generational Changes in materialism and work centrality, 1976-2007: Associations with temporal changes in societal insecurity and materialistic role modeling. *Personality and Social Psychology Bulletin* 39(7): 883-897.
- Twenge, J.M., Exline, J.J., Grubbs, J.B., Sastry, R. and Campbell, W.K. 2015. Generational and time period differences in American adolescents' religious orientation, 1966-2014. *PLoS ONE* 10(5): e0121454. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0121454> (assessed 5 Januari 2018).
- Uecker, J.E. and Regnerus, M.D. 2010. Bare market: Campus sex ratios, romantic relationships, and sexual behavior. *The Sociological Quarterly* 51(3): 408-435.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2017. Gross enrolment ratio by level of education. <http://uis.unesco.org/indicator/edupart-er-ger> (assessed 11 Oktober 2017).
- United Nations. 2013. World Marriage Data 2012. <http://www.un.org/esa/population/publications/WMD2012/MainFrame.html> (assessed 27 September 2017).
- United Nations. 2015. World Marriage Data 2015. <http://www.un.org/en/development/desa/population/theme/marriageunions/index.shtml> (assessed 25 September 2017).
- Wang, Y. and Griskevicius, V. 2013. Conspicuous consumption, relationships, and rivals: Women's luxury products as signals to other women. *Advances of Consumer Research* 40: 83-88.
- Wilcox, B., Wolfinger, N. H. and Stokes, C. E. 2016. The role of culture in declining marriage rates. <https://ifstudies.org/blog/the-role-of-culture-in-declining-marriage-rates> (assessed 10 Oktober 2017).
- Willoughby, B. J., Carroll, J. S., Vitas, J. M. and Hill, L. M. 2012. When are you getting married? The intergenerational transmission of attitudes regarding marital timing and marital importance. *Journal of Family Issues* 33(2): 223-245.
- Wong, O.M.H. 2005. The socioeconomic determinants of the age at first marriage among women in Hong Kong. *Journal of Family and Economic Issues* 26(4):529-550.
- Xiao, H. 2016. Pemodenan dan pembentukan keluarga Melayu di bandar. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 9(2): 245-261.
- Zaimah Ramli. 2011. Pengaruh faktor pengetahuan, tingkah laku kewangan, dan pembuatan keputusan terhadap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Zhou, X. and Gao, D.G. 2008. Social support and money as pain management mechanisms. *Psychological Inquiry* 19(3-4): 127-144.

Siti Haizani Mat Delin  
 Bahagian Sumber Manusia,  
 Kementerian Kesihatan Malaysia,  
 Blok E7, Kompleks E,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
 62590 Putrajaya, Malaysia.  
 Email: haizani@moh.gov.my

Zaimah Ramli (corresponding author)  
Program Sains Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor.  
Email: zaimahr@ukm.edu.my